



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (49)

Tarikh : 15 April 2017

SIARAN MEDIA

MAJLIS PECAH TANAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BUKIT NANAS, TEPOH, KUALA NERUS

Kuala Nerus, 15 April 2017 – YAB Perdana Menteri menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Nanas, Tepoh, Kuala Nerus pada hari ini.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan membina Program Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Nanas, Kuala Nerus ini dengan melibatkan kos pembangunan sebanyak RM83.475 juta bagi pembinaan 500 unit rumah pangsa 5 tingkat termasuk kemudahan surau, taska, tadika, taman permainan, kedai serta dewan orang ramai di atas tapak seluas 17.4 ekar dan dijangka siap pada awal tahun 2020.

3. PPR Bukit Nanas ini adalah berhampiran dengan kawasan Sekolah Kebangsaan Bukit Nanas di sebelah utara dan di sebelah barat pula adalah jajaran Jalan Tepoh – Batu Rakit (T147) akan memberikan kemudahan perumahan yang berkualiti, selesa serta mampu disewa atau dibeli oleh golongan yang berpendapatan rendah. Ini juga akan mengurangkan masalah penyediaan rumah mampu milik yang tidak mencukupi kepada rakyat.

4. Di bawah ini, unit PPR ditawarkan kepada rakyat sama ada secara sewaan ataupun dijual. Kadar sewaan dan harga jualan pula adalah pada kadar yang mampu ditanggung oleh penyewa / pembeli unit-unit rumah di bawah program ini.

5. Kaedah Sewa Untuk Dimiliki - *Rent to Own (RTO)* telah diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 sebagai kaedah alternatif yang diperkenalkan khusus untuk membantu pemohon atau bakal pembeli unit PPR yang tidak layak dibiayai melalui institusi kewangan komersial sedia ada.

6. Bagi Skim RTO ini, pemohon yang layak perlu melalui proses penyewaan unit PPR untuk suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu dua (2) tahun dan apabila genap tempoh penyewaan tersebut, mereka layak untuk diberi pemilikan melalui kaedah RTO unit PPR yang telah diduduki tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat kelayakan untuk memiliki Unit PPR yang telah ditetapkan.

7. Kaedah Sewa Untuk Dimiliki dilaksanakan di empat (4) buah projek PPR iaitu PPR Gua Musang, Kelantan (1000 unit), PPR Lembah Subang 2, Selangor (1,580 unit), PPR Kampung Hassan, Selangor (300 unit) dan PPR Ladang Silau, Port Dickson (300 unit). KPKT akan membuat pengumuman untuk melaksanakan Kaedah RTO di PPR yang lain apabila keputusan telah dibuat kelak.

8. Bagi negeri Trengganu, sebanyak 1,002 unit PPR telah dibina iaitu PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu

9. Penyediaan rumah di bawah program PPR merupakan salah satu daripada kaedah untuk mencapai sasaran satu (1) juta rumah mampu milik (RMM) seperti yang telah dijanjikan. Sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 20.7% daripada sasaran satu (1) juta Rumah Mampu Milik telah berjaya disiapkan manakala 21.7% adalah dalam fasa pembinaan dan 41.3% adalah dalam fasa perancangan.

10. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah membina 9,850 unit baharu di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan menyiapkan 11,250 unit rumah PPR serta membina 10,000 unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda pada kadar lebih rendah dari kadar pasaran, membaik pulih fasiliti kawasan flat & Program Perumahan Rakyat (PPR) menerusi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (dengan peruntukan RM300 juta).

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my